

# Pelajar perubatan perlu tambah nilai kepakaran

Daripada SOPHA SULAIMAN

BALI 25 Mac - Pelajar perubatan Malaysia di luar negara disaran tidak sekadar belajar untuk lulus sahaja, sebaliknya perlu berusaha menambah nilai dalam pengkhususan masing-masing agar negara memiliki lebih ramai tenaga pakar.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kepakaran dalam bidang perubatan amat diperlukan

kerana selain persaingan sengit dalam sektor itu, Malaysia juga kini menjadi tumpuan pesakit luar negara untuk mendapatkan rawatan.

Menurutnya, tahun lalu sahaja lebih 450,000 rakyat asing terutama dari Indonesia mendapatkan perkhidmatan perubatan di hospital-hospital swasta di Malaysia.

"Hasrat kita ialah menjadikan Malaysia salah satu pusat perubatan terunggul di rantau ini dan mahu melihat lebih ramai pelajar perubatan mempunyai kepakaran

yang tinggi," katanya.

Najib yang juga Menteri Pertahanan menyatakan demikian ketika berucap pada majlis ramah mesra dengan 120 pelajar perubatan Malaysia yang menuntut di Universiti Udayana, malam tadi.

Turut hadir pada majlis yang berlangsung di Hotel Nusa Dua Beach di sini itu ialah isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor dan Duta Besar Malaysia di Indonesia, Datuk Zainal Abidin Zain.

Ketika ini terdapat lebih 3,600 rakyat

Malaysia belajar di Indonesia dengan 80 peratus daripadanya merupakan pelajar dalam bidang perubatan.

Najib berada di sini selama dua hari untuk menyertai mesyuarat tidak rasmi Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN.

Dalam pada itu, Najib berkata, kerajaan mahu perubahan nilai yang lebih tinggi bukan sahaja dalam sektor perindustrian tetapi juga dalam pembangunan modal insan.

"Kita berkehendakkan pelajar lebih menonjol dalam bidang-bidang yang strategik dan bukan sekadar belajar untuk mendapatkan kerja," katanya.

Menurutnya, walaupun pelajar perubatan mempunyai jaminan kerja selepas tamat belajar namun keperluannya dalam kepakaran tertentu juga tinggi daripada banyak pusat perubatan.

Dalam hal ini, Najib berkata, hanya dengan kelayakan yang tinggi sahaja akan menjamin pelajar tidak ketinggalan dalam persaingan yang semakin hebat dalam dunia perubatan.

Beliau memberi contoh bahawa sektor pelancongan kesihatan di Malaysia kini sedang berkembang pesat dan lebih banyak hospital akan dibangunkan.

"Malaysia memerlukan taraf kualiti hidup rakyat yang lebih baik serta nisbah doktor dan penduduk sama seperti negara-negara maju yang lain pada tahun 2020," katanya.

Pada majlis itu, beliau turut mengingatkan pelajar agar tidak terpengaruh dengan ideologi terorisme kerana keganasan bertentangan dengan nilai semua agama.

Kata beliau, tidak ada sebab pelajar perlu melibatkan diri dalam perbuatan negatif itu kerana tujuan utama mereka ialah belajar dan pulang ke negara untuk memberikan sumbangan kepada rakyat.

Beliau bagaimanapun berpuas hati dengan semangat dan sikap terpuji yang ditunjukkan oleh pelajar Malaysia di Bali kerana hidup dalam suasana harmoni bersama pelajar yang berlainan keturunan, agama dan budaya.



SEBAHAGIAN pelajar perubatan Malaysia di Bali bersama Najib Tun Razak semasa majlis ramah mesra di Nusa Dua, Bali, malam kelmarin.